



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS RAMAH MESRA
BERSAMA DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1438H/2017M**

***BANQUET HALL*
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KHAMIS, 18 SYAWAL 1438 BERSAMAAN 13 JULAI 2017**

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Aidilfitri AMBD pada hari Khamis 18 Syawal 1438 bersamaan dengan 13 Julai 2017 di Banquet Hall, Jabatan Perdana Menteri.
2. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Ramah Mesra tersebut dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Hj Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri & Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain, Ahli-Ahli Pengurusan serta pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Acara ini diadakan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang sedang berlangsung pada bulan Syawal ini dan bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim sesama seluruh warga AMBD dan untuk menggalakkan budaya dan suasana kerja yang penuh harmoni, dan sentiasa bersatu padu.
4. Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan untuk menyempurnakan pengurniaan cenderahati dan sijil penghargaan kepada warga AMBD yang telah bersara pada tahun 2011 hingga 2017.

5. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD, Ahli-Ahli Pengurusan serta pegawai dan kakitangan AMBD.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 18 Syawal 1438 / 13 Julai 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2017